



Headline: Mangsa dedah kod TAC kepada sindiket rugi RM16,100
Publication/Portal: Berita Harian
Date: 28 October 2018

Language: Malay
Section: ISU
Page: 19

Mangsa dedah kod TAC kepada sindiket rugi RM16,100

Balik Pulau: Dua mangsa kerugian RM16,100 selepas mereka menyerahkan nombor kod pengesahan transaksi (TAC) kepada sindiket penipuan Macau Scam.

Khamis lalu, seorang pemandu bas lelaki berusia 25 tahun kerugian RM2,500 apabila menyerahkan TAC kepada sindiket, manakala dalam kes terbaru kelmarin, seorang pengurus wanita berusia 41 tahun yang kerugian RM13,600 menerusi kaedah yang sama.

Ketua Polis Daerah Barat Daya, Superintendan A A Anbalagan, berkata dalam kejadian kelmarin, pengurus wanita itu pada awalnya menerima panggilan daripada seorang lelaki yang mendakwa sebagai wakil dari Mahkamah Majistret Jalan Duta, Kuala Lumpur.

Beliau berkata, lelaki itu memaklumkan kononnya syarikat milik mangsa di Perak ada hutang Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) berjumlah RM85,700.

“Wanita itu kemudian disambungkan panggilan kononnya kepada Sarjan Helmi di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Perak.

“Mangsa diberitahu pula yang sya-

rikatnya terbabit dalam kes penye- ludupan dadah dan penipuan wang sebelum diminta bercakap kononnya dengan Sarjan Wong dari Bukit Aman,” katanya.

Minta kata laluan

Beliau berkata, anggota sindiket terbabit meminta nama, kata laluan dan nombor TAC akaun bank, yang terus diberikan mangsa kerana ter- lalu panik.

“Mangsa kemudian membuat se- makan dan mendapati wang miliknya berjumlah RM13,600 lesap di- pindahkan ke akaun seorang lelaki,” katanya.

Anbalagan berkata, dalam kes pe- nipuan membabitkan pemandu bas lelaki itu pula, mangsa dihubungi seorang lelaki yang mendakwa ter- silap mendaftar nombor telefon mangsa untuk mengemas kini akaun bank milik bapanya.

“Suspek kemudian meminta mangsa menghantar nombor TAC yang kononnya tersalah daftar de- ngan nombor telefon mangsa itu.

“Mangsa yang percaya bertindak memberikan nombor TAC itu. Na- mun, apabila membuat semakan

melalui mesin juruwang automatik (ATM) pada keesokannya, mangsa mendapati wangnya sebanyak RM2,500, hilang,” katanya.

Sementara itu, Anbalagan berkata, pihaknya juga menerima kes mem- babitkan seorang juruteknik wanita, berusia 33 tahun, bulan lalu, yang kerugian RM5,000 selepas dia diper- daya untuk membuat pembayaran bagi urusan caj penghantaran ba- rang.

Mangsa menerima kiriman mesej melalui Facebook daripada seorang lelaki yang mendakwa mangsa ada bungkusan mengandungi wang tu- nai, barang kemas, telefon pintar dan komputer riba dihantar melalui se- buah syarikat.

“Bagaimanapun, suspek memak- lumkan kononnya semua barang ter- babit tidak dapat dihantar syarikat itu kerana mengandungi barang ber- harga dan meminta mangsa mem- bayar caj penghantaran terlebih da- hulu,” katanya.

Sehubungan itu, Anbalagan me- nasihati orang ramai supaya lebih peka dengan taktik sindiket Macau Scam, yang menggunakan pelbagai helah untuk memperdaya mangsa.



Mangsa membuat semakan dan mendapati wang miliknya RM13,600 lesap dipindahkan ke akaun seorang lelaki”

A A Anbalagan,
Ketua Polis Daerah
Barat Daya